



PENGARUH BUDAYA GLOBALISASI TERHADAP PEMAKAIAN AURAT MAHASISWI

Farah Alya Norlihan¹, Nur Aqilah Batrisyia Mohd Najit¹ & Nurin Qistina Mohd
Azizul¹

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka,
78000 Alor Gajah, Melaka

*f4ly4.n0r333@gmail.com (Corresponding Author)

DOI: <https://doi.org/10.24191/ejitu.v6i1.7225>

Abstrak

E-JITU

Acceptance date:
29 January 2023

Valuation date:
15 March 2023

Publication date:
22 April 2023

Aurat merupakan perkara yang amat kritikal dalam agama Islam. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap pengaruh globalisasi kepada aurat mahasiswi muslim khususnya di UiTM kampus Alor Gajah. Masalah kajian timbul apabila terdapat salah fahaman dan pemahaman sendiri berkenaan pemakaian yang mengikut syariat Islam. Objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti sejauh mana pemahaman mahasiswi terhadap aurat, mengenal pasti kesan budaya global terhadap cara mereka berpakaian, dan menilai sama ada wujud hubungan antara pendedahan kepada budaya global dan pematuhan terhadap etika pemakaian Islam. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan pengedaran borang soal selidik secara atas talian kepada mahasiswi sebagai kaedah pengumpulan data utama. Dapatan kajian menunjukkan bahawa walaupun majoriti mahasiswi memahami asas konsep aurat, pilihan pemakaian mereka banyak dipengaruhi oleh trend fesyen semasa hasil pendedahan kepada budaya global. Kajian mencadangkan agar usaha pendidikan dan kesedaran Islam dipertingkatkan melalui kempen di media sosial bagi memperkukuh kefahaman dan penghayatan pemakaian menurut syariat dalam kalangan mahasiswi.

Kata kunci: Aurat, Mahasiswi, Pemakaian Islam, Globalisasi, Pematuhan

THE INFLUENCE OF GLOBALIZATION CULTURE ON THE ATTIRE AND AURAT OBSERVANCE OF FEMALE UNIVERSITY STUDENTS

Abstract

Aurah is a fundamental aspect in the religion of Islam, particularly concerning the dress code for Muslim women. This study aims to examine the extent to which globalisation influences the observance of aurah among Muslim female students, with a focus on those studying at the UiTM Alor Gajah campus. The research problem stems from widespread

misconceptions and personal interpretations regarding attire that aligns with Islamic principles. The primary objectives of this study are to assess the level of understanding among female students concerning aurah, to identify the influence of global cultural trends on their dressing styles, and to evaluate the relationship between exposure to global culture and adherence to Islamic dress ethics. This study adopts a quantitative research approach, utilising online questionnaires distributed to female students as the main data collection method. The findings indicate that while most students possess a basic understanding of the concept of aurah, their clothing choices are significantly shaped by modern fashion trends influenced by global cultural exposure. Based on these findings, the study recommends enhancing Islamic education and awareness initiatives—particularly through social media platforms—in order to strengthen students' understanding and appreciation of Islamic dress codes in accordance with syariah principles.

Keywords: *Aurah, Female Students, Islamic Attire, Globalisation, Adherence*

PENGENALAN

Dalam meniti arus kemodenan ini, globalisasi yang bermaksud dunia tanpa sempadan akibat kemajuan teknologi maklumat dan komunikasi menyebabkan berlaku pelbagai aliran idea dan maklumat tanpa sekatan. Tambahan pula, Globalisasi membawa masuk budaya asing ke negara kita termasuklah cara berpakaian yang terdedah aurat dan tidak memenuhi syariat. Oleh hal yang demikian, budaya pakaian barat atau yang tidak mematuhi syariah islam dapat disebarkan melalui internet yang tidak ditapis. Hal ini akan menyebabkan golongan muda terutamanya mahasiswi terpengaruh akan nilai runtuh. Sebagai contoh, mahu mengikut estetika, trend terkini tentang fesyen berpakaian masa kini, tidak mahu ketinggalan zaman, mahu tergolong dengan orang yang mengikut trend fesyen yang tidak menutup aurat dan patuh syariah. Tambahan pula, keghairahan mereka untuk mengejar fesyen telah menyebabkan mereka alpa tentang tuntutan berpakaian yang digariskan oleh Al-Quran dan Hadith. Mereka hanyut dibuai arus fesyen yang lebih moden dan terbuka kerana dipengaruhi oleh faktor globalisasi. Globalisasi membawa masuk berbagai gaya berpakaian dari luar yang sering dianggap lebih menarik atau trendy. Melalui internet, media sosial, masyarakat terpapar dengan berbagai gaya berpakaian dari seluruh dunia. Pakaian dari luar seringkali dianggap lebih modern dan menarik, sehingga mendorong pelajar berpakaian sedemikian. Hal ini demikian kerana gaya pemakaian yang dibawa oleh negara luar telah diserap dalam kalangan masyarakat terutama golongan wanita. Kewujudan kepelbagaian fesyen dan bentuk pakaian yang kontemporari dan ranggi yang berjaya menepati citarasa serta menampilkan gaya yang elegan telah menarik minat golongan wanita terhadap pemakaian tersebut.

Bagi Pernyataan Masalah, Apakah tahap kefahaman mahasiswi terhadap konsep aurat dalam Islam? Ada yang memiliki pemahaman yang kuat dan mengamalkannya, namun ada juga yang masih kurang memahami atau bahkan mengabaikannya. Perbezaan ini dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti didikan keluarga, pengaruh lingkungan, dan tingkat pemahaman agama. Bagi mengembalikan kemuliaan tersebut, maka mereka hendaklah mengikuti segala panduan yang terdapat dalam al-Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w serta pelbagai pihak haruslah memainkan peranan penting dalam

memupuk semua muslim termasuklah mahasiswi kesedaran tentang betapa pentingnya menutup aurat mengikut syariat. Kebanyakan pelajar menutup aurat semata-mata untuk menzahirkan diri sebagai orang Islam tetapi bukan kerana tuntutan syarak yang diwajibkan ke atas mereka. Hal ini berpunca dari latar belakang keluarga yang tidak menitik beratkan pemakaian cara Islam yang sebenarnya. (Abdullah Bin Sulong, (n.d.)) Selain itu, bentuk pemakaian mahasiswi dalam konteks pengaruh budaya globalisasi seperti memakai tudung dengan baju lengan pendek atau baju yang ketat. Hal ini dikatakan demikian kerana, masyarakat pada hari ini lebih suka memakai pakaian yang mengikut trend kerana tidak ingin dikatakan ketinggalan zaman. Kebanyakan gaya fesyen kini lebih menonjolkan bentuk badan pemakai dan tidak sopan. Pemakaian yang tidak sopan ini boleh mengundang kepada perkara-perkara yang negatif . hubungan antara pendedahan terhadap budaya global dan pematuhan pemakaian aurat menurut syariat Islam adalah pengaruh asing dalam dunia fesyen yang mudah mempengaruhi kaum wanita hingga meminggirkan soal-soal agama. Oleh itu, Islam tidak menolak fesyen, tetapi garis panduan syarak perlu diletak di peringkat utama dalam semua keadaan. pakaian yang memenuhi tuntutan agama Islam, iaitu menutup aurat dan sopan. (Bahagian Pengurusan Dakwah, (n.d.)).

Berikut merupakan objektif kajian :

- i. Mengetahui tahap pemahaman mahasiswi terhadap konsep aurat dalam islam.
- ii. Menkaji bentuk pemakaian mahasiswi dalam konteks pengaruh globalisasi.
- iii. Menilai hubungan antara pendedahan terhadap budaya global dan pematuhan pemakaian aurat menurut syariat islam.

Oleh itu, dalam keghairahan mereka membentuk imej tersendiri yang kontemporari dan ranggi, ramai yang terlupa tentang batasan seorang muslimah. Para pelajar institusi pengajian tinggi juga tidak ketinggalan dalam berfesyen mengikut arus zaman moden walaupun terdapat kod etika berpakaian yang telah digariskan oleh pihak pentadbiran pengajian tinggi sendiri terhadap mereka tetapi masih melanggar peraturan yang telah ditetapkan, Oleh yang demikian, kajian ini dilakukan untuk mengetahui dan mengenal pasti pengaruh budaya globalisasi terhadap pemakaian aurat mahasiswi (Noor Zulaikha Azlin Abdul Manaf, n.d.) Kesimpulannya, perubahan budaya berpakaian di Malaysia telah banyak membawa pembaharuan terhadap gaya hidup masyarakat kini.

PERMASALAHAN KAJIAN

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Naim et al., (2020) mendapati walaupun industri insurans konvensional dan berkonsepkan patuh syariat (takaful) berkembang pesat di Malaysia, namun komuniti Islam itu sendiri tidaklah sepenuhnya menerima dan melanggan perkhidmatan yang ditawarkan oleh takaful. Pengarah Urusan Medicare Assistance Sdn Bhd (Medicare), K. Palanisamy menyatakan bahawa tahap kesedaran dalam kalangan penjawat awam untuk memiliki insurans dan takaful di Malaysia didapati

SOROTAN LITERATUR

Analisis aurat atlet muslim di Temasya Olimpik 2020: Kajian menurut perspektif fiqh Islami Kajian oleh Ahmad Akram Mahmud Robbi (2022) membincangkan isu pematuhan

aurat dalam kalangan atlet Muslim semasa Temasya Olimpik 2020. Kajian kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian kes melalui pemerhatian dan analisis dokumen. Dapatan menunjukkan berlakunya pertembungan antara keperluan profesionalisme sukan dan kewajipan agama, hingga menimbulkan dilema dalam kalangan atlet Muslim. Kajian mencadangkan penambahbaikan terhadap kod pemakaian atlet agar lebih seiring dengan prinsip syariah dalam arena sukan global. Konsep pemakaian dan aurat pelajar muslimah: Satu kajian perbandingan antara fesyen dan hukum.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap kefahaman, amalan dan persepsi pelajar perempuan terhadap pemakaian dan penutupan aurat di sebuah Politeknik di Johor Bahru (Hajaratul Adhwa' Ahmad Kuthi, 2018). Seramai 130 orang dipilih sebagai responden. Instrumen kajian berupa soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 16.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa para pelajar mempunyai tahap kefahaman, amalan dan persepsi yang tinggi terhadap kewajipan menutup aurat sebagai muslimah. Tahap kefahaman dan amalan terhadap kefarduan dan menutup aurat di kalangan pelajar di tiga sekolah menengah agama di daerah Pekan - FASS Final Project (BIS)

Kajian ini bertujuan menilai tahap kefahaman dan amalan pelajar terhadap kewajipan menutup aurat. Seramai 100 pelajar telah terlibat sebagai responden melalui soal selidik yang dianalisis menggunakan SPSS versi 20.0. Dapatan menunjukkan tahap kefahaman berada pada tahap sangat tinggi, manakala tahap amalan dan persepsi juga tinggi tetapi sedikit lebih rendah. Kajian mencadangkan penekanan berterusan terhadap didikan agama oleh ibu bapa, sekolah dan masyarakat bagi memperkukuhkan amalan pelajar

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kuantitatif bagi menilai secara sistematik pengaruh budaya globalisasi terhadap pemakaian aurat dalam kalangan mahasiswi di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Melaka kampus Alor Gajah (Creswell & Creswell, 2018). Reka bentuk ini membolehkan penyelidik mengukur hubungan antara pendedahan kepada elemen globalisasi dengan tahap pematuhan pemakaian aurat menurut syariat Islam.

Kaedah soal selidik digunakan untuk mengumpul data kuantitatif daripada mahasiswi di UiTM Melaka. Borang diedarkan kepada mahasiswi bagi mengukur tahap pengaruh media global, pengetahuan mereka tentang aurat serta corak pemakaian mereka. Soal selidik ini menggunakan skala Likert lima mata.


Populasi sasaran kajian terdiri daripada mahasiswi berusia 18 tahun ke atas yang sedang menuntut di UiTM Melaka kampus Alor Gajah. Persampelan kuantitatif menggunakan kaedah rawak berstrata yang seimbang mengikut fakulti dan tahun pengajian.

Analisis data kuantitatif dilakukan menggunakan SPSS versi 28.0, dengan analisis deskriptif untuk mendapatkan kekerapan dan peratusan tahap pematuhan pemakaian aurat serta tahap pendedahan kepada budaya global. Bagi analisis data kuantitatif, kaedah analisis tematik digunakan untuk mengenal pasti perbezaan tahap pematuhan aurat berdasarkan latar belakang seperti pendidikan agama atau pendedahan media.

Soal selidik kajian menunjukkan nilai kebolehpercayaan yang tinggi dengan mencerminkan konsistensi dalaman yang baik. Kajian ini juga mematuhi protokol etika yang ditetapkan termasuk mendapatkan kebenaran bertulis daripada institusi pengajian serta menjaga kerahsiaan maklumat responden. Namun, skop kajian ini terhad kepada UiTM Melaka kampus Alor Gajah sahaja, yang mungkin menghadkan generalisasi dapatan ke lokasi lain.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Rajah demografi 1: peratus purata jantina responden




Rajah demografi 2: Peratusan semester responden

Carta demografi 1 berikut menunjukkan dapatan daripada soal selidik yang telah dijalankan selama hampir sebulan iaitu bermula daripada awal bulan Mei sehingga akhir bulan Jun 2025. Majoriti yang menjawab iaitu 89.8% daripada responden adalah perempuan manakala 10.2% daripadanya ialah responden lelaki. Responden yang menjawab soal selidik tersebut adalah pelajar universiti dalam lingkungan umur 18 tahun dan keatas. Rajah demografi 2 menunjukkan bahawa, responden dominan kepada mahasiswa semester 2 iaitu dengan seramai 57 orang atau 52.5%.




Rajah 1: Maksud menutup aurat bagi responden



Rajah 2: Gaya pemakaian mahasiswi kini secara umum menurut responden

Majoriti, iaitu di dalam rajah 1, 76.1% responden, memahami bahawa erti menutup aurat ialah menutup seluruh tubuh kecuali muka dan tapak tangan. Ini menunjukkan bahawa sebahagian besar responden mempunyai asas pengetahuan yang tepat tentang konsep menutup aurat menurut syariat Islam. Pernyataan di atas memerlukan pemerhatian daripada orang awam terhadap pemakaian mahasiswi masa kini. Sebahagian besar di dalam rajah 2 pula, sebanyak 87%, responden berpendapat bahawa sebahagian pemakaian mahasiswi adalah sesuai, manakala sebahagian lagi tidak. Hal ini kerana terdapat mahasiswi yang berpakaian mengikut syariat, namun masih ada yang berpakaian ketat, jarang, atau tidak menepati ciri-ciri pakaian menutup aurat secara sempurna. Ini


menjawab kepada objektif bagi mengenal pasti tahap pemahaman mahasiswa terhadap aurat dalam Islam.



Rajah 3: Globalisasi memberi kesan kepada cara mahasiswi berpakaian




Rajah 4: Kesan yang lebih tampak kepada pemakaian mahasiswi



Rajah 5: Faktor utama yang mempengaruhi cara mahasiswi menutup aurat.

Terdapat banyak kesan pengaruh globalisasi terhadap aurat mahasiswi. Berikutan rajah 3, 96.3% responden bersetuju bahawa globalisasi memberi kesan terhadap cara mahasiswi berpakaian hari ini, termasuk dalam aspek menutup aurat. Ini kerana pemerhatian di kampus menunjukkan adanya perubahan gaya berpakaian yang dipengaruhi oleh budaya luar. Setersunya, pada rajah 4, 46.3% iaitu majoriti berpendapat bahawa kesan yang lebih tampak kepada pemakaian mereka ialah pemakaian mereka menjadi lebih bebas tanpa mengikut syariat. Ini disebabkan oleh pengaruh luar yang semakin kuat serta kurangnya kesedaran agama dalam menentukan pilihan berpakaian. Setiap permasalahan akhlak sudah semestinya mempunyai faktor-faktornya tersendiri. Oleh itu, berdasarkan rajah 5, jumlah jawapan terbanyak adalah seramai 48 orang responden, iaitu bersamaan dengan 44%, memilih fesyen semasa sebagai faktor utama yang mempengaruhi cara pemakaian mahasiswi. Ini demikian kerana, pengaruh fesyen semasa sering menjadi penanda aras dalam menentukan gaya berpakaian, dan ramai mahasiswi cenderung mengikuti trend terkini walaupun ada yang kurang selari dengan syariat Islam. Dengan ini, hasil kajian ini menjawab kepada objektif kajian bagi mengkaji bentuk pemakaian mahasiswi dalam konteks pengaruh globalisasi.



Rajah 6: Tahap pengaruh media sosial terhadap pemahaman mahasiswi berkenaan aurat.



Rajah 7: Sikap responden terhadap mahasiswi yang tidak menutup aurat.



Rajah 8: Cadangan paling berkesan untuk tingkatkan kesedaran berkenaan aurat menurut responden.

Perkembangan media sosial dan pengaruh budaya global semakin mempengaruhi gaya hidup serta cara pemakaian dalam kalangan mahasiswi masa kini. Melalui Rajah 6, 48.6% responden sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa media sosial amat mempengaruhi pemahaman mahasiswi tentang aurat. Hal ini demikian kerana media sosial memainkan peranan besar dalam membentuk persepsi dan gaya hidup melalui kandungan yang dikongsi, termasuk trend berpakaian yang kadangkala tidak menepati syariat Islam. Lanjutan daripada itu, dalam Rajah 7, 32.1% responden menyatakan bahawa mereka berasa kurang selesa dengan cara pemakaian mahasiswi kini, namun masih menghormati keputusan individu tersebut. Ini kerana mereka sedar bahawa setiap individu mempunyai hak dalam membuat pilihan berpakaian, walaupun ia mungkin tidak selari dengan pandangan peribadi atau ajaran agama.

Sehubungan itu, dalam Rajah 8, 40.4% responden memilih cadangan untuk mengadakan kempen kesedaran melalui platform media sosial. Ini demikian kerana mahasiswa pada masa kini banyak mengakses media sosial dalam kehidupan seharian mereka, menjadikannya saluran paling berkesan untuk menyampaikan mesej dan nilai yang berkaitan dengan pematuhan syariah. Hasil kajian ini secara keseluruhannya menunjukkan bukti yang menyokong objektif kajian, iaitu untuk menilai hubungan antara pendedahan terhadap budaya global dan tahap pematuhan pemakaian aurat menurut syariah dalam kalangan mahasiswi.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa budaya globalisasi memberi pengaruh yang signifikan terhadap cara pemakaian mahasiswi Muslim, terutamanya dalam aspek pematuhan kepada syariat Islam berkaitan aurat. Berdasarkan dapatan kajian, objektif pertama iaitu untuk mengenal pasti tahap kefahaman mahasiswi terhadap konsep aurat dalam Islam menunjukkan bahawa masih ramai pelajar yang kurang memahami secara menyeluruh batas-batas aurat serta hikmah di sebaliknya kewajipan menutup aurat. Ramai yang berpakaian menutup aurat secara zahir, namun masih belum memenuhi tuntutan syarak dari segi ketebalan kain, longgar, dan tidak menyerupai pakaian orang kafir atau jahiliyyah moden.

Bagi objektif kedua, iaitu mengaji bentuk pemakaian mahasiswi dalam konteks pengaruh budaya globalisasi, hasil kajian mendapati bahawa majoriti mahasiswi terdedah kepada pelbagai trend fesyen semasa yang sering kali dipengaruhi oleh budaya Barat. Pemakaian seperti tudung singkat, baju ketat, seluar pendek, dan baju berlengan pendek semakin menjadi kebiasaan atas alasan ingin kelihatan moden, bergaya, dan tidak ketinggalan zaman. Budaya media sosial yang menormalisasikan pakaian menjolok mata serta tokoh selebriti yang menjadi ikutan juga menjadi antara faktor utama dalam perubahan gaya pemakaian ini.

Seterusnya, objektif ketiga, iaitu menilai hubungan antara pendedahan kepada budaya global dan tahap pematuhan pemakaian aurat mengikut syariat Islam, menunjukkan adanya korelasi yang jelas. Semakin tinggi pendedahan kepada budaya luar, semakin rendah tahap pematuhan terhadap syariat berpakaian. Ini membuktikan bahawa pengaruh

luar bukan sahaja mencorak pemikiran, malah turut mengubah tingkah laku dan penampilan seorang Muslimah.

Oleh yang demikian, beberapa cadangan boleh dikemukakan bagi mengatasi isu ini. Pertama, pihak institusi pengajian tinggi perlu memperkukuhkan elemen pendidikan agama, bukan sahaja secara teori tetapi juga secara praktikal dan menyentuh realiti semasa. Program pemantapan rohani, ceramah bertema fesyen Islamik, serta forum interaktif bersama ikon Muslimah kontemporari boleh dijadikan platform mendekati mahasiswi. Kedua, pihak pengurusan institusi perlu memperketat dan menguatkuasakan kod etika berpakaian yang lebih jelas dan konsisten, dengan pendekatan mendidik dan bukan semata-mata menghukum. Ketiga, peranan keluarga, masyarakat dan rakan sebaya juga amat penting dalam membentuk budaya pemakaian yang selari dengan ajaran Islam. Akhir kata, diharapkan kajian ini dapat membuka mata banyak pihak tentang realiti pemakaian dalam kalangan mahasiswi Muslim hari ini, serta menjadi titik tolak kepada pembentukan kesedaran yang lebih mendalam terhadap tuntutan menutup aurat. Dalam dunia yang sarat dengan pengaruh budaya asing, mahasiswi Muslim perlu dididik agar mampu menapis budaya luar dengan bijak dan menjadikan syariat Islam sebagai panduan utama dalam setiap aspek kehidupan, termasuk dalam cara berpakaian.

RUJUKAN

Abdullah Bin Sulong, N. B. (n.d.). Kesedaran menutup aurat dalam kalangan pelajar tahun empat: Satu kajian di fakulti. *Fakulti Pendidikan*, 8.

Ahmad, S., & Zulkifli, N. (2018). The impact of globalization on Muslim youth identity. In *Proceedings of the International Conference on Research in Islamic and Arabic Language Education (ICRIALE 2018)* (pp. 243–250). Universiti Pendidikan Sultan Idris. https://www.academia.edu/37575844/Proceedings_ICRIALE2018_pdf

Bahagian Pengurusan Dakwah, Jabatan Agama Islam UTM. (n.d.). Pusat Islam UTM: Aurat dalam Islam. Universiti Teknologi Malaysia. <https://chancellery.utm.my/islamic-center-kl/ask-imaam-2/muslimat/aurat-dalam-islam/>

Ismail, M. A. (2022). Etika pemakaian menurut perspektif Islam dan implikasinya terhadap pembangunan sahsiah. *Jurnal Fatwa Malaysia*, 26(2), 151–162. <https://jfatwa.usim.edu.my/index.php/jfatwa/article/view/430>

Noor Zulaikha Azlin Abdul Manaf, A. A. (n.d.). Perkembangan budaya berpakaian mahasiswi Universiti Malaya. *Journal of Al-Muqaddimah*, 14.